

12/09/1998

KL '98 penuh gemilang (HL)

Radzi Wahab; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sukan Komanwel yang terakhir alaf ini dirasmikan dalam suasana gilang-gemilang dan berwarna-warni di hadapan kira-kira 100,000 penonton di Stadium Nasional, Bukit Jalil, malam ini.

Disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, upacara pembukaan Kuala Lumpur '98 amat bersejarah kerana ia menandakan kali pertama temasya berkenaan berlangsung di sebuah negara Asia sejak pengenalannya pada 1930.

Ia sekali gus menamatkan penantian dan persediaan selama enam tahun sejak Malaysia diberikan hak penganjuran temasya sukan kedua terbesar dunia itu dalam mesyuarat Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) di Barcelona, Sepanyol pada 13 Julai 1992.

Lebih membanggakan, temasya kali ini turut menarik penyertaan terbesar dalam sejarahnya dengan 4,208 atlit dan 2,460 pegawai dari enam wilayah Komanwel, iaitu Afrika, Amerika, Asia, Carribean, Eropah dan Oceania, mengambil bahagian.

Bermula esok, KL '98 melontarkan cabaran kepada atlit untuk memberikan yang terbaik bagi merebut 1,176 pingat - 219 emas, 219 perak dan 244 gangsa - yang dipertandingkan dalam 16 cabang sukan.

Disaksikan kira-kira 500 juta penonton menerusi siaran langsung televisyen, upacara pembukaan selama enam jam itu nyata memukau penonton dalam setiap acara dipersembahkan.

Cuaca baik dan tidak berjerebu sepanjang hari turut menyumbang kepada kemeriahan temasya itu.

Dibahagikan kepada dua bahagian, segmen pertama upacara pembukaan menyaksikan penonton dihiburkan melalui nyanyian artis tempatan, termasuk Ratu Jazz Sheila Majid dan Ratu Rock, Ella, sejak jam 4 petang.

Bagi menghidupkan suasana, penonton turut dihiburkan dengan pertunjukan pancaragam yang membabitkan 600 kanak-kanak sekolah di samping acara terjun bebas dengan penerjun membawa bendera Malaysia, Kanada, England, Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur '98.

Selepas berhenti rehat seketika, upacara pembukaan itu disambung apabila Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah diarak mengelilingi trek menaiki menggunakan kereta tanpa bumbung pada jam 8.20 malam.

Sebelum itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut disambut dengan cara yang sama.

Turut hadir menyaksikan majlis itu ialah pembesar negara serta kira-kira 4,000 jemputan khas dari negara asing.

Acara perbarisan masuk kontinjen negara peserta dimulakan dengan Kanada sebagai bekas tuan rumah, diikuti kontinjen negara lain mengikut abjad.

Kontinjen Malaysia, selaku tuan rumah, adalah yang terakhir berarak masuk diiringi tepukan dan sorakan gemuruh penonton.

Dengan berpakaian baju kebangsaan, kontinjen Malaysia yang diketuai jaguh lompat jauh, Zaki Sadri, dan chef-de-mission, Datuk Khalid Yunus, nyata anggun dan menawan dengan pakaian baju Melayu dan baju kurung merah putih.

Keadaan stadium terus menjadi gamat sebaik perarakan selesai apabila lampu stadium dipadamkan dan lautan penonton digenangi cahaya lampu suluh.

Penonton kemudian dihiburkan dengan persembahan kebudayaan selama 10 minit yang bertemakan 'Selamat Datang Kepada Semua'. Persembahan mengagumkan 2,000 penari yang disulami nyanyian itu dicipta khas bagi mengalu-alukan negara peserta.

Selepas itu, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, menyampaikan ucapan alu-aluan dan ini disusuli Baton Ratu yang dibawa masuk oleh dua bekas jaguh badminton negara, Razif Sidek dan Sylvia Ng.

Baton yang mengandungi perutusan Ratu Elizabeth II itu kemudian disampaikan kepada bekas jaguh bina badan dan angkat berat, Koh Eng Tong, yang menyerahkannya kepada Hashim untuk disampaikan kepada Presiden CGF, Putera Edward, bagi dibacakan kepada penonton.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar kemudian mengisytiharkan pembukaan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI dengan memukul gong tiga kali.

Serentak dengan itu, bunga api dilancarkan ke udara, diikuti 16 das tembakan meriam di luar stadium dan pembacaan ikrar oleh serikadi bowling, Shalin Zulkifli.

Malam penuh gemilang itu diakhiri dengan persembahan kebudayaan yang bertemakan 'Bersatu Ke arah Progres'.

Persembahan menarik yang berakhir hampir tengah malam itu menggabungkan semua aspek kebudayaan masyarakat berbilang kaum dan etnik negara ini.

Dibantu oleh pancaran laser serta kesan piroteknik, persembahan kebudayaan dan acara pembukaan KL '98 itu nyata meninggalkan kenangan yang tidak akan dilupakan oleh semua.

(END)